# CONTOH SIJIL PERAKUAN
## BADAN PENGURUSAN BERSAMA


NO. SIRI : 00144

SIJIL PERAKUAN
BADAN PENGURUSAN BERSAMA
Seksyen 7(2) Akta Bangunan Dan Harta Bersama
( Penyenggaraan Dan Pengurusan ) 2007 ( Akta 663 )

*Dengan ini diperakui bahawa*

*BADAN PENGURUSAN BERSAMA*
*TAMAN NIBONG TEBAL JAYA*
*(TAMAN NIBONG TEBAL JAYA JMB)*

CONTOH

[illegible]rtubuh di[illegible] Peruntukan Seksyen 4, Akta Bangunan Dan Harta [illegible] Penyenggaraan Dan Pengurusan ) 2007 ( Akta 663 ) pada 27 Disember 2011. Badan Pengurusan Bersama ini hendaklah merupakan suatu pertubuhan perbadanan yang kekal turun-temurun dan mempunyai suatu meterai perbadanan.

(MAIMUNAH MOHD SHARIF)
Yang Dipertua
Merangkap Pesuruhjaya Bangunan
Majlis Perbandaran Seberang Perai

Bertarikh 28 Mac 2012
Rujukan MPSP/81/23-11/5

## VISI

Menjadikan Seberang Perai bersih, indah dan selesa didiami, bekerja serta menjadi tarikan pelaburan

## MISI

Menyediakan perkhidmatan perbandaran, perancangan pembangunan dan infrastruktur yang cekap, berkesan dan responsif kepada kehendak komuniti Seberang Perai

**UNTUK SEBARANG PERTANYAAN**
**SILA HUBUNGI :**


**JABATAN PESURUHJAYA BANGUNAN**
**MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI**
Tingkat 2, Jalan Perda Utama
Bandar Perda,
14000 Bukit Mertajam,
Pulau Pinang
**No. Tel:** 04-549 7555 **Fax:** 04-5389700



*Tarikh dikemaskini: Julai 2012*


**MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI**

# JABATAN PESURUHJAYA BANGUNAN





**MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI**
Jalan Perda Utama, Bandar Perda
14000 Bukit Mertajam
Tel:04-549 7555 Fax: 04-538 9700



CERTIFIED TO ISO 9001 : 2008 CERT. NO: AR 1856
CERTIFIED TO ISO 14001 : 2004 CERT. NO: ER 0504


www.mpsp.gov.my

# UNIT-UNIT

- Unit Pentadbiran
- Unit Kewangan dan Akaun
- Unit Teknikal dan Penguatkuasaan

# FUNGSI JABATAN

- Memastikan penubuhan Badan Pengurusan Bersama (JMB) / Perbadanan Pengurusan (MC) bagi setiap kawasan pemajuan bertingkat di bawah Akta 663 [Akta Bangunan dan Harta Bersama (Penyenggaraan dan Pengurusan)2007] dan Akta 318 [Akta Hakmilik Strata 1985].





# PERKHIDMATAN

- Menguruskan pendaftaran dan pengeluaran sijil penubuhan JMB
    - Dengan mengemukakan dokumen lengkap seperti senarai semak di lampiran
- Menyelesaikan dan menyelaraskan aduan berkaitan bangunan bertingkat.
    - Melalui surat, e-mel, telefon dan walk in
- Memberi khidmat nasihat secara terus berkaitan Akta 663 & Akta 318.
    - Melalui surat, e-mel, telefon dan walk in
- Mengesahkan status badan (aktif/tidak aktif) sekiranya dipohon oleh Pejabat Tanah & Galian (Strata) dan lain-lain agensi kerajaan bagi tujuan pindah milik, gadaian, pembiayaan semula dan lain-lain.
- Mengadakan seminar / taklimat kepada JMB / MC seluruh kawasan MPSP secara berkala.
- Menghadiri jemputan ke taklimat berkaitan pengurusan dan penyenggaraan bangunan berstrata, Mesyuarat Agung Tahunan/Mesyuarat Agung Luar Biasa dan lain-lain jemputan yang difikirkan perlu.

# AKTIVITI UTAMA

- Memastikan penubuhan JMB/MC bagi setiap kawasan pemajuan bertingkat di bawah Akta 663 [Akta Bangunan dan Harta Bersama (Penyenggaraan dan Pengurusan) 2007] dan Akta 318 [Akta Hakmilik Strata 1985]
- Menguruskan pendaftaran dan pengeluaran sijil penubuhan JMB.
- Menangani aduan berkaitan bangunan bertingkat, penubuhan JMB/MC, perlantikan berkenaan akaun penyenggaraan bangunan dan lain-lain.
- Menguatkuasakan undang-undang yang berkaitan, mengikut peruntukan di bawah Akta 663 dan Akta 318.
- Mengumpul dan menyelaras data-data berkaitan bangunan berstrata untuk kegunaan Jabatan, Pihak Berkuasa Negeri dan Kerajaan Persekutuan.
- Memberi khidmat nasihat berkaitan Akta 663 & Akta 318.

# TUJUAN PENUBUHAN BADAN PENGURUSAN BERSAMA

## (JOINT MANAGEMENT BODY-JMB)

- Tujuan penubuhan JMB adalah untuk memberi peluang kepada pembeli di kediaman bertingkat dan pemaju bekerjasama dalam menyenggara dan mengurus bangunan dan harta bersama.
    - Subseksyen 4(1) Akta 663.
- Adalah menjadi tanggungjawab pemaju untuk mengadakan mesyuarat pertama kepada semua pembeli bagi membentuk satu Badan (JMB).
    - Subseksyen 5(1) Akta 663
- Badan hendaklah memberitahu dan mendaftarkan nama Badan dalam masa 28 hari dari mesyuarat pertama dengan Pesuruhjaya Bangunan (Commissioner of Building - COB).
    - Subseksyen 7(1) Akta 663
- Sijil perakuan penubuhan JMB akan dikeluarkan setelah semua dokumen-dokumen lengkap diterima dan diproses.

# SIJIL PERAKUAN PENUBUHAN JMB

- Permohonan untuk sijil perakuan penubuhan JMB boleh dikemukakan ke alamat seperti berikut:

**PESURUHJAYA BANGUNAN**
D/A JABATAN PESURUHJAYA BANGUNAN
MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI
JALAN PERDA UTAMA, BANDAR PERDA
14000 BUKIT MERTAJAM

# PENGELUARAN SIJIL JMB

Pengeluaran Sijil Perakuan Penubuhan Badan Pengurusan Bersama (JMB)adalah dalam tempoh 21 hari dari tarikh penerimaan permohonan yang lengkap.

**BORANG SENARAI SEMAK PERMOHONAN SIJIL PERAKUAN JMB**

JABATAN PESURUHJAYA BANGUNAN (COB) MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI

**SENARAI SEMAK :**

| Bil | Dokumen | Ada | Tiada |
|---|---|---|---|
| 1 | Salinan Minit Mesyuarat | | |
| 2 | Akaun Yang Telah Diaudit | | |
| 3 | Senarai Kehadiran Pemilik Petak | | |
| 4 | Senarai Nama Ahli Jawatankuasa Yang Dilantik | | |
| 5 | Nama dan Alamat Pertubuhan | | |
| 6 | Salinan Cukai Tanah | | |
| 7 | Salinan Geran Hakmilik Lot Utama | | |
| 8 | Salinan Polisi Insurans | | |
| 9 | Kaedah - Kaedah Dalaman | | |